

# KENYATAAN AKHBAR

*Untuk siaran segera*

## BMDAM TAWARKAN BAHAN BINAAN HARGA PUKAL KEPADA KONTRAKTOR KECIL

**Kuala Lumpur, 15 Disember 2023:** Persatuan Pengedar Bahan-bahan Binaan Malaysia (BMDAM) menawarkan harga pukal kepada kontraktor kecil yang membeli bahan binaan daripada ahli BMDAM. Perkara ini dimaklumkan oleh Presiden BMDAM, Encik Lim Chun Heng kepada Ketua Eksekutif CIDB Malaysia, Dato' Sr Mohd Zaid Zakaria semasa membuat kunjungan ke CIDB pada 31 Oktober 2023 baru-baru ini. BMDAM menggalakkan kontraktor kecil dan sederhana (G1 – G4) untuk mendapatkan bekalan bahan binaan secara terus dari kilang dan pembekal yang merupakan ahli BMDAM.

Harga yang ditawarkan oleh ahli BMDAM ini adalah lebih rendah dan mereka juga boleh menawarkan kemudahan kredit kepada kontraktor. Bahan binaan yang dikeluarkan oleh ahli BMDAM ini telah mempunyai Perakuan Pematuhan Standard (PPS) yang sah daripada CIDB sekaligus membantu kontraktor G1 – G4 dalam melaksanakan projek-projek pembinaan yang lebih berkualiti dan selamat, terutama sekali projek-projek kerajaan yang bakal dilaksanakan mengikut bajet 2024.

CIDB menekankan kepada semua pihak samada pengilang atau kontraktor untuk sentiasa memastikan bahan binaan yang tersenarai dalam Perintah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Pindaan Jadual Keempat 2021) yang digunakan di tapak bina mempunyai Perakuan Pematuhan Standard (PPS) yang sah daripada CIDB. Bahan binaan yang digunakan juga perlu mematuhi kepada syarat-syarat keperluan standard yang telah ditetapkan. Kegagalan kontraktor mematuhi Akta 520, jika

disabitkan kesalahan boleh **didenda tidak kurang RM10,000 dan tidak melebihi RM500,000.**

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my) atau hubungi CIDB Careline di talian 03-5567 3300.

---

### **Mengenai CIDB Malaysia**

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

---

### **Mengenai BMDAM**

Persatuan Pengedar Bahan Binaan Malaysia (BMDAM) telah ditubuhkan pada tahun 1976 dan telah diiktiraf sebagai persatuan kebangsaan bagi syarikat yang terlibat dalam perniagaan pembekalan dan pengedaran bahan binaan buatan tempatan dan import. Pada masa ini, BMDAM mempunyai lebih daripada 180 ahli, terletak di Malaysia Barat dan Timur.

---